

06 MAR 2000

Marina-HIV

MARINA GESA PENGESAHAN SAINTIFIK BAGI DAKWAAN UBAT HIV

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia amat berminat dengan dakwaan oleh sepasukan doktor dari Hospital Homeopati Melaka bahawa ia telah menemui ubat bagi HIV, virus yang menyebabkan AIDS, selepas tiga tahun penyelidikan.

Presidennya Datin Paduka Marina Mahathir berkata dakwaan itu mungkin adalah benar bahawa ia adalah ubat bagi Aids yang "yang kita sedang cari-cari tetapi ia patut diselidiki dan disahkan secara profesional sebelum dihebahkan," katanya.

Pasukan itu mendakwa terdapat penurunan sebanyak empat hingga lima peratus dalam jumlah virus bagi sembilan orang penghidap HIV atau AIDS selepas menjalani rawatan selama 11 hari.

Marina berkata tempoh itu terlalu singkat untuk menentukan keberkesanannya.

"Dakwaan itu mesti disahkan menerusi penyelidikan saintifik untuk membuktikan bahawa rawatan itu akan berkesan kepada kebanyakan pesakit dan bukan hanya beberapa kes terpilih," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya majlis itu terbuka kepada rawatan-rawatan alternatif dan akan menyokong mana-mana rawatan yang boleh membuatkan pembawa HIV atau penghidap AIDS menjadi lebih sihat.

Beliau menasihatkan mereka supaya berwaspada dengan ubat itu kecuali telah dibuktikan secara saintifik dengan memenuhi dua syarat yang mampu bertahan bagi tempoh yang agak lama.

"Bagi sesuatu ubat boleh disahkan, dua perkara mesti berlaku. Pertama, HIV mesti dibasmi dari badan dan keduanya, sistem daya ketahanan mesti dipulihkan semula," katanya.

Jika HIV dapat dibasmi tetapi sistem daya ketahanan kekal rosak, pesakit terbabit masih mudah dijangkiti pelbagai penyakit, itu mungkin berbahaya, katanya.

Marina berkata Majlis Aids Malaysia tidak bekerjasama dengan pasukan itu berhubung penyelidikan itu dan berharap Kementerian Kesihatan akan menyiasat dakwaan itu demi kebaikan pembawa HIV dan mangsa AIDS di negara ini.

-- BERNAMA

MRA RHM